

Lembaran Fakta

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019

Penyakit tidak berjangkit, permintaan jagaan kesihatan dan literasi kesihatan

PENGENALAN

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) telah dijalankan di Malaysia sejak tahun 1986. Objektif utama NHMS 2019 adalah untuk mendapat data kesihatan penduduk Malaysia dan membantu Kementerian Kesihatan Malaysia menilai halatuju dan program kesihatan penyakit tidak berjangkit, faktor risiko penyakit tidak berjangkit, serta permintaan jagaan kesihatan.

FAKTA UTAMA

Penyakit Tidak Berjangkit

Diabetes Dalam Kalangan Dewasa

- Telah didiagnosa menghidap diabetes: 9.4%
- Tidak tahu menghidap diabetes (Paras gula darah melebihi 7.0mmol/L): 8.9%
- Prevalens keseluruhan: 18.3%

Meningkat dari 2011 (11.2%) dan 2015 (13.4%), dianalisa semula menggunakan paras yang baru.

Hipertensi Dalam Kalangan Dewasa

- Telah didiagnosa menghidap hipertensi: 15.9%
- Tidak tahu menghidap hipertensi: 14.1%
- Prevalens keseluruhan : 30.0%

Prevalens kekal dari 2011 (32.6%) dan 2015 (30.3%).

Kolesterol Tinggi Dalam Kalangan Dewasa

- Telah didiagnosa menghidap kolesterol tinggi: 13.5%
- Tidak tahu menghidap kolesterol tinggi: 24.6%
- Prevalens keseluruhan: 38.1%

Perubahan dalam prevalens dari 2011 (35.0%) dan 2015 (47.7%).

Status Pemakanan

- 50.1% dewasa berlebihan berat badan atau obes (30.4% berlebihan berat badan and 19.7% obes).
- 52.6% dewasa mempunyai obesiti abdomen.
- Tren berlebihan berat badan, obesiti dan obesiti abdomen terus meningkat berbanding dapatan tinjauan NHMS 2011 (29.4%, 15.1%, 45.4%) dan 2015 (30.0%, 17.7%, 48.6%).
- 29.8% kanak-kanak berumur 5 hingga 17 tahun berlebihan berat badan (15.0%) dan obes (14.8%).
- 21.8% kanak-kanak dibawah umur 5 tahun terbantut. Terdapat peningkatan berbanding 2011 (16.6%) dan 2015 (17.7%).
- 29.9% wanita dalam golongan umur reproduktif menghidap anemia.

Lain-lain

- 25.1% dewasa tidak aktif fizikal, pengurangan berbanding tahun 2011 (35.7%) dan 2015 (33.5%).
- 94.9% dewasa tidak mengambil jumlah buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan, 5 hidangan setiap hari. Ini merupakan peningkatan dari 92.5% pada 2011 dan 94.0% pada 2015.
- 21.3% dewasa perokok semasa, manakala 11.8% pengambil minuman beralkohol. Peratusan peminum alkohol secara mudarat /hingga mabuk dikalangan pengambil minuman beralkohol adalah 45.8%. Terdapat pengurangan peratusan peminum alkohol secara mudarat dari 2011 (50.2%) dan 2015 (59.4%).
- 2.3% dewasa mengalami kemurungan, manakala 7.9% kanak-kanak 5 hingga 15 tahun didapati mengalami masalah kesihatan mental, terutamanya masalah berinteraksi dengan rakan sebaya.
- 36.6% perempuan dewasa pernah menjalani saringan pap smear dalam jangkamasa 1 tahun. Dalam kalangan perempuan berumur 40 tahun dan ke atas, 21.0% pernah menjalani saringan mammogram dalam jangka masa 3 tahun, manakala 25.0% pernah menjalani saringan mammogram sepanjang hayat.
- 11.1% dewasa dan 4.7% kanak-kanak mengalami ketidakupayaan.

KAEDAH TINJAUAN

NHMS 2019 merupakan tinjauan yang menggunakan pensampelan rawak berperingkat. Sebanyak 26 rumah (12 rumah untuk penyakit tidak berjangkit dan 14 rumah untuk permintaan jagaan kesihatan) dipilih dari setiap kawasan pensampelan. Tinjauan ini melibatkan semua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia, untuk mendapat data yang mewakili status kesihatan penduduk Malaysia. Temuramah dijalankan oleh pembantu penyelidik yang dilatih, bersama soal selidik yang dijawab sendiri responden, pemeriksaan klinikal dan antropometrik berserta pengujian darah. Seramai 14,965 individu (kadar penglibatan - 87.2%) menyertai tinjauan penyakit tidak berjangkit, manakala 16,688 individu (kadar penglibatan - 88.8%) menjawab tinjauan permintaan jagaan kesihatan.

Permintaan Jagaan Kesihatan

Penyakit-penyakit Ringan dan Tingkah Laku Mendapatkan Jagaan Kesihatan

- 19.5% penduduk melaporkan mereka tidak sihat dalam dua minggu yang lepas[^].
- Dalam kalangan mereka, 57.5% mendapatkan jagaan atau nasihat daripada pengamal kesihatan, 22.8% mengubati diri sendiri dan 11.3% mendapatkan nasihat daripada media massa seperti internet, TV, radio dan sebagainya.

Sakit Badan Kronik

- 8.7% penduduk berusia 13 tahun dan ke atas mengalami sakit badan yang kronik.
- Dalam kalangan mereka, 33.1% melaporkan aktiviti-aktiviti harian mereka adalah sederhana terganggu hingga sangat terganggu.

Penggunaan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

- **Jagaan kesihatan pesakit luar** - 8.1% penduduk dalam dua minggu yang lepas[^] (sektor kerajaan: 64.3%).

Penggunaan meningkat dalam sektor kerajaan dari 2011 (48.7%) dan 2015 (60.0%).

- **Jagaan kesihatan pesakit dalam** - 5.2% penduduk dalam 12 bulan yang lepas[^] (sektor kerajaan: 75.5%). Ini adalah termasuk wanita bersalin di fasiliti kesihatan.

Penggunaan mendatar dalam sektor kerajaan dari 2011 (74.1%) dan 2015 (76.8%).

- **Jagaan kesihatan pergigian** - 23.7% penduduk dalam 12 bulan yang lepas[^] (sektor kerajaan: 79.5%). 15.0% tidak pernah menerima jagaan.

Penggunaan meningkat dalam sektor kerajaan dari 2011 (64.0%) dan 2015 (68.4%).

- **Farmasi komuniti** - 10.2% dewasa dalam dua minggu yang lepas[^].
- **Khidmat jagaan kesihatan di rumah** - 1.7% penduduk dalam 12 bulan yang lepas[^] (Pemberi jagaan - kerajaan: 88.2%).
- **Pemeriksaan perubatan/kesihatan** - 33.3% dewasa dalam 12 bulan yang lepas[^].
- **Makmal perubatan swasta** - 4.8% dewasa dalam 12 bulan yang lepas[^].
- **Jagaan kendiri (Pembelian suplemen/makanan tambahan)** - 13.8% dewasa dalam sebulan yang lepas[^].
- **Perbelanjaan sendiri (Out-of-pocket expenditure)** – Pecahan tertinggi adalah bagi jagaan kesihatan pesakit luar (40.4%), diikuti dengan jagaan kendiri (pembelian suplemen/makanan tambahan) (24.5%), farmasi komuniti (19.7%), jagaan kesihatan pesakit dalam (7.7%) dan jagaan kesihatan pergigian (3.3%).

Sumber Pembentukan Kesihatan Tambahan

- 45.5% penduduk di Malaysia dan 70.6% daripada kumpulan 20% termiskin tidak mempunyai sumber pembentukan kesihatan tambahan, selain daripada pembentukan kesihatan kerajaan sedia ada.

Sumber Kewangan bagi Perkhidmatan Kesihatan

- 81.4% isi rumah di Malaysia menggunakan pendapatan semasa, 35.8% menggunakan simpanan dan 8.1% menggunakan pembayaran balik insurans.
- 10.9% meminjam daripada keluarga dan kawan, selain daripada ahli isi rumah.

Jagaan Tidak Formal

- 5.7% dewasa memberi jagaan tanpa menerima bayaran dalam 12 bulan yang lepas[^].
- Purata tempoh pemberian jagaan adalah selama 5.3 tahun.
- Purata jam pemberian jagaan adalah 24.4 jam seminggu.

Doktor Keluarga (Family Doctor)

- 47.1% isi rumah melawat klinik yang sama (sektor kerajaan: 54.2%).
- 24.1% isi rumah berjumpa doktor yang sama.

[^]Sebelum temuramah.

Literasi Kesihatan

- 35.1% dewasa mempunyai tahap literasi kesihatan yang rendah.
- 28.0% mempunyai literasi kesihatan yang rendah dalam menangani masalah kesihatan, 32.3% mempunyai literasi kesihatan yang rendah dalam pencegahan penyakit, manakala 27.0% mempunyai literasi kesihatan yang rendah dalam promosi kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat.

*Merangkumi semua umur, melainkan dinyatakan sebaliknya. Dewasa merujuk individu berumur 18 tahun dan ke atas.

Para pengarang mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kesihatan atas kebenaran menerbitkan dokumen ini.

NHMS 2019

National Health and Morbidity Survey 2019
Technical Report — Volume I

NCDs — Non-Communicable Diseases: Risk Factors and other Health Problems

National Institutes of Health (NIH)
Ministry of Health Malaysia

NHMS 2019

National Health and Morbidity Survey 2019
Technical Report — Volume II

Healthcare Demand

National Institutes of Health (NIH)
Ministry of Health Malaysia

Penemuan utama tinjauan 2019 diketengahkan secara ringkas dalam lembaran fakta ini. Laporan teknikal di atas, yang mengandungi laporan terperinci hasil tinjauan dan kaedah serta soal selidik tinjauan, boleh dimuat turun dari laman web IKU: www.iku.gov.my/nhms.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Institut Kesihatan Umum (IKU)
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK)
Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan (IPTK)
Institut Kesihatan Negara (NIH)
1, Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam, Selangor

www.iku.gov.my/nhms